

Untuk siaran segera

## **BERSALAH KERANA PALSUKAN LAPORAN CUKAI**

Cyberjaya, 7 November - Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia telah berjaya membuktikan kes tanpa keraguan apabila Mahkamah Majistret Batu Pahat, Johor menjatuhkan hukuman bersalah ke atas seorang pembayar cukai kerana didapati terbukti melakukan kesalahan dalam melaporkan pendapatan syarikatnya. Dalam kes yang dibicarakan pada 2 November yang lalu, seorang pengarah syarikat, Gan Yen Hoi, telah didenda sebanyak RM23,000.00 atas tiga kesalahan di bawah seksyen 113(1)(b) Akta Cukai Pendapatan 1967 ("ACP"), iaitu berhubung pengemukaan borang nyata cukai yang tidak betul oleh syarikatnya.

Mengikut kertas pertuduhan pertama, tertuduh Gan Yen Hoi, 46 tahun, merupakan pengarah syarikat Trifloral Enterprise (M) Sdn Bhd ("Trifloral") yang bertanggung di bawah seksyen 75 ACP, telah didapati memberi maklumat yang tidak betul di dalam Borang Cukai Pendapatan ("Borang C") syarikat. Maklumat yang didapati tidak betul adalah berkenaan dengan tuntutan belian daripada sebuah syarikat pembekal sebanyak RM102,930.80 bagi tahun taksiran 2000. Tindakan tertuduh telah menyebabkan cukai pendapatan tahun taksiran 2000 bagi syarikat tersebut berkurang sebanyak RM28,820.68.

Bagi pertuduhan kedua, tertuduh juga telah memberi maklumat yang tidak betul di dalam Borang C Trifloral bagi tahun taksiran 2001 berkenaan tuntutan belian daripada tiga buah syarikat pembekal yang lain melibatkan jumlah sebanyak RM2,655,256.38. Ini telah menyebabkan cukai pendapatan bagi syarikat tersebut bagi tahun taksiran 2001 berkurang sebanyak RM743,471.68.

Manakala pertuduhan ketiga pula, tertuduh turut dengan sengaja gagal melaporkan maklumat yang betul bagi tahun taksiran 2002 berkenaan tuntutan belian daripada syarikat pembekal perniagaannya melibatkan jumlah sebanyak RM31,274.80. Tindakan ini telah menyebabkan cukai pendapatan bagi syarikat Trifloral berkurang sebanyak RM8,757.00 bagi tahun taksiran 2002.

Berdasarkan keterangan di Mahkamah, syarikat Trifloral telah membuat tuntutan belian daripada 4 syarikat pembekalnya di dalam lejer perniagaan syarikat Trifloral di mana tuntutan belian tersebut telah diambilkira bagi menentukan pendapatan tahunan syarikat dan pengiraan cukai syarikat bagi tahun taksiran 2000, 2001 dan 2002. Keterangan juga mendapati syarikat-syarikat pembekal tersebut tidak pernah membuat urusan dengan syarikat tertuduh pada tahun-tahun taksiran berkenaan.

Majistret **Puan Amalia Marsita binti Hamdan** di akhir kes pembelaan mendapati pihak tertuduh telah gagal menimbulkan apa-apa keraguan terhadap kes pendakwaan.

Mahkamah telah memerintahkan tertuduh membayar denda berjumlah sebanyak RM23,000 iaitu RM8,000.00 bagi pertuduhan pertama, gagal bayar 4 bulan penjara, RM10,000.00 bagi pertuduhan kedua, gagal bayar 6 bulan penjara dan RM5,000.00 bagi pertuduhan ketiga, gagal bayar 3 bulan penjara.

**Selain dikenakan denda, tertuduh juga telah diarah oleh Mahkamah untuk membayar penalti khas dua kali ganda dari cukai berkurang bagi setiap tahun taksiran tersebut yang keseluruhannya berjumlah RM1,562,098.72.**

Sepanjang perbicaraan kes tersebut, seramai 9 orang saksi pendakwaan dan 4 orang saksi pembelaan telah dipanggil ke Mahkamah untuk memberi keterangan.

Pendakwaan telah dikendalikan oleh Pegawai Pendakwa, Muazmir bin Mohd Yusof dan Mohd Shafuddin bin Hasan dari pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Manakala pihak tertuduh diwakili oleh peguam Datuk N. Sivananthan.

Sebelum Mahkamah menjatuhkan hukuman tersebut, Pegawai Pendakwa Muazmir bin Mohd Yusof telah berjaya meyakinkan Mahkamah supaya tertuduh dikenakan hukuman yang berat dengan hujahan berikut:

“Kesalahan yang dilakukan oleh OKS merupakan tiga kesalahan yang berat. Hukuman berat perlu dikenakan terhadap OKS sebagai pengajaran dan iktibar kepada orang ramai kerana tindakan OKS telah menyebabkan kerugian kepada negara, selain melakukan ketidakadilan kepada pembayar cukai lain serta rakyat yang sepatutnya menerima manfaat dari cukai yang sepatutnya dibayar oleh OKS. En Muazmir merujuk kepada “quotation” Suffian J dalam kes **Public Prosecutor v. Choo Swee Huat [1963] 29 MLJ 28** sebagaimana berikut:

“Per curiam: One of the principles to be followed in assessing sentences in income tax offences is this. Income tax forms part of the revenues of the country which are required to pay for schools, hospitals, rural development and other multifarious services. If a man, a businessman in particular, does not play his full part by delaring his existence to the Government, the revenue will suffer. A most serious effect of evasion may be to persuade the Government to cut down on services or to increase the rates of taxes payable by willing members of the community by not paying. An income tax dodger cheats not only the Government but he cheats his fellow men as well.”

Kes **Public Prosecutor v. Lee Seng Seh [1966] 1 MLJ 266** juga dirujuk, di mana Raja Azlan Shah J memutuskan bahawa:

“Held: (1) income tax offences are of a very grave character and the learned magistrate in this case should have considered not only the interest of the accused but also the interest of public.”

Mengikut peruntukan seksyen 113(1)(b) ACP, jika disabit kesalahan memberi maklumat tidak betul mengenai tanggungan cukai sendiri / orang lain, jumlah denda yang boleh dikenakan adalah tidak kurang daripada RM1,000 dan tidak lebih daripada RM10,000 dan penalti khas 200% atas cukai terkurang lapor.

Bertepatan misi LHDN untuk memberikan perkhidmatan percukaian yang berkualiti dan berintegriti ke arah meningkatkan pematuhan sukarela, kes Gan Yen Hoi ini membuktikan betapa serius usaha LHDN dalam membanteras kegiatan pengelakan cukai. Pelbagai cara yang boleh dilakukan oleh seseorang pengelak cukai, diantaranya, membuat tuntutan pembelian/perbelanjaan menggunakan invois palsu; mengubah nilai transaksi pada invois atau bil tunai; melakukan pembelian atas nama pengarah syarikat bagi pihak syarikat; dan membuat pembelian daripada syarikat yang berkaitan.

Bagi memastikan undang-undang percukaian dipatuhi dan untuk bertindak adil kepada pembayar cukai yang sedia patuh, LHDN tidak teragak-agak untuk menggunakan peruntukan ACP yang berkenaan supaya kejadian mengelak atau melarikan diri daripada dikenakan cukai yang sepatutnya dapat dibendung. Orang awam hendaklah juga bekerjasama dan memainkan peranan untuk memberitahu LHDN sekiranya mengetahui pemalsuan maklumat dilakukan oleh mana-mana pihak yang bertujuan untuk mengurangkan cukai mereka yang sebenar.

Kesejahteraan rakyat akan dapat dirasai sepenuhnya apabila setiap pembayar cukai melaksanakan tanggungjawabnya sebagaimana yang termaktub di dalam ACP. Orang awam perlu sedar bahawa sistem percukaian negara merupakan aset kepada negara kerana melalui hasil yang dipungut sepertimana dijangka, ia dapat menyediakan peruntukan untuk merealisasikan program pembangunan yang di cadangkan oleh Menteri Kewangan dalam pembentangan Bajet Tahunan.

Sila layari laman web rasmi LHDNM di [www.hasil.gov.my](http://www.hasil.gov.my) untuk keterangan lanjut.

# # #

**SEKIAN, TERIMA KASIH**

<b>Dikeluarkan oleh</b>	<b>:</b>	<b>Masrun bin Maslim Pegawai Perhubungan Awam Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia</b>
<b>Tarikh</b>	<b>:</b>	<b>7 November 2012</b>
<b>Nombor Telefon</b>	<b>:</b>	<b>03-8313 8888 samb.:21326 / 21327</b>
<b>Nombor Faks</b>	<b>:</b>	<b>03-8313 7834</b>
<b>Pusat Khidmat Pelanggan</b>	<b>:</b>	<b>1-800-88-LHDN (5436)</b>

**[www.hasil.gov.my](http://www.hasil.gov.my)**